

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 JULY 2016

Jadikan rakyat tonggak, tiang seri: PM

BH- 21/7/2016

➔ Penjawat awam diminta dahulukan masyarakat dalam tugas, buat keputusan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak mahu penjawat awam sentiasa menjadikan rakyat sebagai tonggak dan tiang seri dalam melaksanakan tugas serta semua keputusan yang dibuat.

Perdana Menteri berkata, penjawat awam tidak boleh hilang fokus dalam menyampaikan perkhidmatan dan bertanggungjawab menterjemahkan dasar kerajaan dalam bentuk tindakan berkesan bagi memenuhi matlamat yang ditetapkan.

“Tumpuan juga perlu diberikan kepada Bidang Keberhasilan Uta-

Info

LRT Stesen Sentul Timur-Putra Heights

➔ **sepanjang 37km** beroperasi sepenuhnya Ahad lalu.

➔ **MRT laluan** Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) dibina menerusi dua fasa, masing-masing dijadual siap 2021, 2022.

➔ **Projek HSR** Kuala Lumpur-Singapura dijangka beroperasi pada 2026.

ma Negara (NKRA) yang ditentukan kerajaan, termasuk pengangkutan awam, perumahan dan kos sara hidup,” katanya berucap pada Majlis Sambutan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini semalam.

Yang turut hadir, Datin Seri Rosmah Mansor; anggota Jemaah Menteri; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; pegawai tinggi kerajaan serta kira-kira 3,000 warga JPM.

Rakyat manfaat inisiatif

Najib turut bersyukur dengan pelbagai inisiatif dilancarkan baru-baru ini yang memberi manfaat kepada rakyat, termasuk sambungan Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Massa (MRT) yang bakal dilancarkan hujung

tahun ini.

Selain itu, beliau berkata, projek kereta api berkelajuan tinggi (HSR) menghubungkan Singapura dan Malaysia yang diumumkan kelmarin.

“Inilah gambaran masa depan Malaysia yang bertambah maju,” katanya sambil menegaskan isu keselamatan yang kini menjadi cabaran besar kepada negara, juga perlu diberikan keutamaan.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan bantuan zakat Aidilfitri daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berjumlah RM3.82 juta untuk disalurkan kepada kira-kira 25,500 penerima bantuan kewangan bulanan Baitulmal MAIWP, termasuk asnaf, fakir miskin dan mualaf.